



Hukum Beristinjak Menggunakan Tisu

Penggunaan sesuatu benda selain daripada air untuk beristinjak (bersuci) hendaklah menepati syarat-syarat berikut:

- 1) Sesuatu yang suci (bukan najis).
- 2) Kering dan kesat (tidak sah benda yang bersifat licin dan basah).
- 3) Bukan sesuatu yang dihormati seperti makanan, tulang, sesuatu yang tertulis kalimah suci dan lain-lain.

Oleh yang demikian, beristinjak dengan menggunakan tisu adalah **diharuskan** kerana memenuhi syarat-syarat tersebut. Namun, jika digunakan kedua-duanya (air dan benda kesat) untuk beristinjak, maka itu lebih utama.

Imbas kod QR ini untuk penerangan lanjut:



<https://muffinegeri.sarawak.gov.my> +60 82-507500

Hukum Beristinjak Menggunakan Tisu

Maksud Istinja

Naja' (نَجَاءٌ) bermaksud selamat dan terlepas daripada sesuatu penyakit. Perkataan najwun (نَجْوٌ) adalah sesuatu yang keluar daripada dubur. Dinamakan istinja dari segi bahasa bermaksud terputus. Dari sudut syarak pula, istinja bermaksud perbuatan menghilangkan najis dan kesan najis yang keluar daripada qubul atau dubur, sama ada menggunakan air atau benda-benda lain seperti batu, daun kering dan kertas tisu.

Benda-Benda Untuk Beristinjak

Menurut syarak, antara benda utama yang boleh digunakan untuk beristinjak adalah air. Hal ini adalah berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Sayyidina Anas bin Malik radiyallahu 'anhu meriwayatkan:

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَدْخُلُ الْخَلَاءَ فَأَحْمِلُ أَنَا وَعُغْلَامٌ نَحْوِي إِدَاوَةً مِنْ مَاءٍ وَعَنْزَةٌ فَيَسْتَنْجِي

بِالْمَاءِ. (مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ)

Maksudnya: "Ketika Rasulullah sallahu 'alaihi wasallam masuk ke bilik (untuk qadha hajat), maka saya (Anas radiyallahu 'anhu) dan seorang anak seusia saya

membawakan bekas berisi air dan satu tombak pendek, lalu Baginda beristinjak dengan air tersebut.”

(Muttafaq ‘alaih)

Selain menggunakan air, syarak juga membenarkan untuk menggunakan benda-benda suci lain yang boleh menghilangkan najis seperti batu seperti yang disebutkan di dalam hadis riwayat Sayyidina Abdullah bin Mas’ud radiyallahu ‘anhu:

أَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْغَائِطَ فَأَمَرَنِي أَنْ آتِيَهُ بِثَلَاثَةِ أَحْجَارٍ، فَوَجَدْتُ حَجَرَيْنِ وَلَمْ أَجِدْ ثَالِثًا.

فَأَتَيْتُهُ بِرَوْثَةٍ، فَأَخَذَهُمَا وَأَلْفَى الرَّوْثَةَ، وَقَالَ: إِنَّهَا رِجْسٌ

Maksudnya: Nabi sallahu ‘alaihi wasallam datang untuk membuang air besar, lalu Baginda memerintahkan agar saya membawakan tiga biji batu. Namun, waktu itu saya hanya mendapatkan dua biji batu dan tidak menemukan satu batu lagi. Lalu saya mengambil kotoran binatang (yang sudah kering). Akhirnya, Baginda pun mengambil kedua batu tersebut dan membuang kotoran binatang yang saya berikan lalu Baginda bersabda, ‘Sesungguhnya kotoran binatang itu adalah najis’.

(Hadis riwayat Imam Bukhari, No. 156).

Para ulama fikah telah merumuskan bahawa batu dan benda-benda seumpamanya adalah boleh digunakan untuk beristinjak sekiranya mempunyai ciri- ciri seperti yang berikut:

كُلُّ جَامِدٍ طَاهِرٍ قَالِعٍ غَيْرِ مُحْتَرَمٍ
JABATAN MUFTI SARAWAK

Maksudnya: Setiap yang bersifat pepejal, suci, kesat (kasar) dan bukan yang dihormati.

Sebagai tambahan, antara benda yang dihormati adalah seperti kertas yang mempunyai tulisan atau kalimah Allah subhanahu wa ta’ala, ayat-ayat al-Quran, dan juga hadis.

Oleh yang demikian, tisu kering (bukan tisu basah) merupakan benda beristinjak yang mempunyai ciri-ciri yang disebutkan di atas. Justeru, penggunaan tisu kering untuk beristinjak adalah dibolehkan.

Cara-Cara Beristinjak

Cara-cara beristinjak ada tiga (3) cara, iaitu:

1. Menggunakan gabungan air dan benda-benda kesat, suci dan bukan dihormati bersama-sama. Caranya adalah menghilangkan najis terlebih dahulu dengan menggunakan benda-benda kesat, suci dan bukan dihormati tersebut dan menghilangkan kesan najis dengan menggunakan air. (Cara ini adalah yang paling afdhal)
2. Menggunakan air sahaja untuk menghilangkan air dan kesan najis.
3. Menggunakan benda-benda kesat seperti tisu kering, kertas, batu, daun kering dan lain-lain.

والله أعلم بالصواب



جَابِتَرِ مُفْتِي سَرَاوَقِ
JABATAN MUFTI SARAWAK